

LAPORAN TAHUNAN 2017

PLAN Malaysia Pulau Pinang
(Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang)



PENGARAH-PENGARAH

PLANMalaysia@Pulau Pinang

- 1 Encik Walter Fairbank
01 Julai 1956 - 18 April 1958
- 2 Encik Frank Watkinson, J.S.M
19 April 1958 - 14 Jun 1960
- 3 Encik Chung Weng Foo, J.S.M
15 Jun 1960 - 31 Ogos 1965
- 4 Tuan Haji Mohd. Ishak Bin Haji Mohd. Arif, P.J.K
1 September 1965 - 30 April 1977
- 5 Encik Fong Chek Sam, P.M.P, P.K.T, D.J.N
1 Mei 1977 - 20 Disember 1984
- 6 Encik Dzukifli Bin Ahmad
21 Disember 1984 - 15 Ogos 1987
- 7 Encik Yaakob Bin Nordin, P.J.K
1 September 1987 - 14 Januari 1994
- 8 Encik Mohamed Jamil Bin Haji Ahmad, A.M.P
15 Januari 1994 - 31 Ogos 2000
- 9 Encik Noran Bin Sharif, P.P.T, A.N.S
1 September 2000 - 15 April 2003
- 10 Encik Ismail Bin Ibrahim, B.C.N
16 April 2003 - 31 Januari 2006
- 11 Tuan Haji Mohd Zaki Bin Ibrahim, P.J.K, B.C.N
1 Februari 2006 - 16 November 2008
- 12 Tuan Haji Zainuddin Bin Ahamad
17 November 2008 - 3 Mac 2014
- 13 Dato' TPr. Haji Anuar Bin Maidin, P.J.K, A.M.N, D.N.S, A.M.T, D.S.P.N
27 April 2015 - 15 Mac 2018
- 14 TPr. Haji Idris Bin Abdul Rahim
23 Mac 2018

ISI KANDUNGAN

1

Pendahuluan
i - iv

2

Strategi Korporat
01-06

3

Struktur Organisasi Jabatan
07-12

4

Pengurusan Kewangan dan Sumber Manusia
13-21

5

Pencapaian Jabatan
22-53

6

Aktiviti-aktiviti Sepanjang Tahun 2017
56-75



EDITORIAL

PENASIHAT

TPR. HAJI IDRIS BIN ABDUL RAHIM

PENGARANG

ENCIK BASRI BIN BASIR

ENCIK MOHD SHUHAIDI BIN MAT ISA

EDITOR

PUAN RAKIAH BINTI LAIDIN

PEREKA GRAFIK

ENCIK MUHAMMAD ROSLAN BIN MD SIDEK

BAHAN DAN FOTO

ENCIK FARID BIN HASHIM

ENCIK MUHAMMAD NAJMI BIN SALIM

ENCIK NURUL AKMAL HAFIZ BIN NURUDDIN

ENCIK MUHAMMAD SAUFEE BIN MOHAMAD SAAD

ENCIK NORRAZI BIN ISMAIL

PUAN SYAZIRAH BINTI NASIR

ENCIK AZWARI BIN ISMAIL

PUAN FAIROS BINTI BAHARUM

CIK SITI ZALEHA BINTI JOHARI





SEKAPUR SIREH

TPr. Hj. Idris bin Abdul Rahim
Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah. Laporan Tahunan PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang) telah berjaya dibukukan dengan sempurna memaparkan semua aktiviti dalaman dan luaran jabatan seiring dengan matlamat dan wawasan jabatan sepanjang tahun 2017.

Peranan dan tanggungjawab jabatan seiring dengan keperluan dan cabaran semasa ke arah globalisasi. Arus perubahan ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mengemaskini dasar-dasar perancangan bandar termasuk merencanakan dasar-dasar baru perancangan supaya lebih *compatible* dengan permintaan dan perancangan semasa.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini ke arah mewujudkan portal Penang Geo Hub. Portal ini akan menjadi hub kepada semua aplikasi dan data geospasial negeri Pulau Pinang serta salah satu inisiatif *smart city*. Kemampuan pembangunan dan pelaksanaan Web GIS di semua agensi negeri telah membuka perhatian di peringkat antarabangsa di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah terpilih sebagai salah satu negara "end user" kolaborasi terbaik. PLANMalaysia@Pulau Pinang antara penyumbang aktif dalam membekalkan data-data gunatandah kepada Kerajaan Negeri.

PLANMalaysia@Pulau Pinang juga telah mengambil langkah dengan menginovasikan proses pengurusan Lembaga Rayuan selaras dengan perkembangan teknologi di masa kini, serta Pelan Strategik ICT Negeri 2016-2020 yang bertemakan *Pentadbiran Kerajaan di Era Baharu Digital*. PLANMalaysia@Pulau Pinang telah merakyatkan pengurusan salah satu produk penting jabatan iaitu Aplikasi e-Rayuan. Aplikasi ini merupakan yang pertama dibangunkan di Malaysia bagi memudahkan perayu atau orang awam mendapat infomasi tepat dan membuat pemfailan rayuan secara elektronik pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan mudah. Susulan daripada ini, Aplikasi e-Rayuan ini telah dipertandingkan diperingkat KIK Premier - Inovasi Penyampaian Perkhidmatan di bawah kumpulan BONA FIDE dan berjaya meraih 3 peringkat kemenangan berturut-turut pada tahun 2017.

PLANMalaysia@Pulau Pinang sentiasa melangkah ke hadapan dalam memperkasakan lagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) jabatan. Satu bengkel bagi penyediaan MS ISO 9001 : 2015 telah diadakan pada 1-3 Mac 2017. Keputusan Penilaian Skor Kad Pengurusan Jabatan oleh Unit Naziran Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan pencapaian jabatan adalah membanggakan iaitu ditahap Gred (A) 85.15%.


Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua Warga JPBD Pulau Pinang yang sentiasa teruja dan bersemangat lagi berurusan dalam setiap program dalaman dan luaran jabatan termasuk misi bantuan mangsa banjir berikutan fenomena banjir besar melanda seluruh negeri Pulau Pinang tahun 2017. Juga terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi seterusnya pihak-pihak berkuasa tempatan yang terus memberikan sokongan dan kerjasama yang amat baik kepada jabatan sepanjang tahun 2017.

Sekian. Terima kasih.



02

STRATEGIK KORPORAT





Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negeri dan negara.



Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pempajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan akta-akta berkaitan.



Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan.



Untuk memastikan pekhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

MISI



Selaras dengan itu, PLANMalaysia@Pulau Pinang menekankan kepada pencapaian 'Misi' dan 'Visi' seperti berikut:

Menjadikan PLANMalaysia sebagai agensi peneraju dalam Mempromosikan Kecemerlangan Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa di Malaysia.

VISI



Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Manusia Yang Berkualiti dan Mampan Selaras Dengan Ciri-ciri Sosio-Budaya Masyarakat Tempatan Malaysia.

Ke Arah itu, PLANMalaysia@Pulau Pinang turut memartabatkan Dasar Kualiti berikut:

Menjadikan Jabatan Sebagai Pusat Bagi Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.



MOTO

"TRANSFORMASI PERANCANGAN KE ARAH KEMAMPAHAN"

OBJEKTIF

PIAGAM PELANGGAN

PEWUJUDAN PERSEKITARAN YANG BERKUALITI DAN SEJAHTERA DI NEGERI-NEGERI MELALUI PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA YANG BERKUALITI, SEJAHTERA DAN MAMPAN MENJELANG 2020

DENGAN ITU KAMI BERJANJI UNTUK

-  MENGURUSETIAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI Empat (4) Kali Setahun
-  MEMBERI ULASAN PERANCANGAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG Tidak Melebihi Empat Belas (14) Hari
-  MEWARTAKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN). RANCANGAN TEMPATAN (RT) DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)
Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri
-  MEMASTIKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) DIKAJI SEMULA Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Selepas Pewartaan
-  MENYELARAS PENYEDIAAN RT DAN RKK SERTA MEMANTAU PELAKSANAANNYA Berdasarkan Program Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun
-  MENYEDIA/MENYELARAS PELAN PROJEK KHAS Dalam Tempoh Enam Puluh (60) Hari
-  MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) Dua (2) Kali Setahun
-  MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN BERTULIS LEMBAGA RAYUAN KEPADA PERAYU DAN RESPONDEN Dalam Tempoh Sepuluh (10) Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada Pengerusi Lembaga Rayuan
-  MEMBEKAL MAKLUMAT PERANCANGAN (KATEGORI TIDAK TERPERINGKAT) Dalam Tempoh Lima (5) Hari
-  MEMBERI LAYANAN KAUNTER DENGAN BERBUDI BAHASA Dalam Tempoh Lima (5) Minit

Pelan Strategik

Pelan Strategik PLANMalaysia@Pulau Pinang
(Hala Tuju PLANMalaysia Pulau Pinang Menjelang Tahun 2020)

Pelan Strategik PLANMalaysia@Pulau Pinang 2012-2020 adalah menerapkan sepenuhnya Pelan Strategik PLANMalaysia. Pelan Strategik ini memberi arah tuju PLANMalaysia yang jelas dalam merealisasikan visinya untuk 'Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020'

Dokumen yang dirangka untuk tempoh lapan (8) tahun ini menetapkan suatu anjakan peranan PLANMalaysia dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya selaras dengan dasar transformasi Kerajaan. Ini memerlukan perkhidmatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan bagi memenuhi aspirasi dan harapan pihak berkepentingan dan pelanggan yang sentiasa meningkat serta mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab ini perlu diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran.

Suatu sistem perancangan dan pengurusan yang mantap memerlukan satu sinergi baru bagi menangani isu-isu, cabaran-cabaran dan mengambil peluang-peluang serta mengeksploitasi potensi-potensi yang terserlah dalam mencapai hasrat PLANMalaysia. Situasi ini juga menuntut komitmen PLANMalaysia untuk memperkasa keupayaannya selari dengan proses pemodenan dan transformasi perkhidmatan agar lebih mudah, pantas dan berkesan serta mempunyai value for money.

Teras Strategik Jabatan PLANMalaysia

Bagi memastikan pencapaian Visi dan Misi PLANMalaysia, enam (6) Teras Strategik dan 21 Strategi mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA) akan diberikan penumpuan dalam tempoh Pelan Strategik Jabatan iaitu : -

- 

1
TERAS STRATEGIK

Mempertingkatkan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti.
- 

2
TERAS STRATEGIK

Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia.
- 

3
TERAS STRATEGIK

Mempertingkatkan pematuan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.
- 

4
TERAS STRATEGIK

Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik.
- 

5
TERAS STRATEGIK

Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBDMS
- 

6
TERAS STRATEGIK

Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBDMS

1

KETAKWAAN

Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat ;

2

KOMITMEN

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan jabatan ;

3

KEINDAHAN

Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan ;

4



KONSISTENSI

Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti jabatan ;

5

KESOPANAN

Menganalkan sifat hormat-mengormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan ;



6

KEMESRAAN

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai ;

7

KEBOLEHPERCAYAAN

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan ;

8

KECERMELANGAN

Sentiasa berusaha untuk menjadikan jabatan sebagai Pusat Kecermelangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa ;

9

KREATIVITI & INOVASI

Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi ; dan

10

KESEGERAN

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian

BIJAKSANA

Setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.

BENAR

Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran, undang-undang dan peraturan.

ADIL

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang - undang, peraturan, keutamaan serta fakta yang lengkap dan tepat.



Nilai-nilai Teras

Warga PLANMalaysia menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras perkhidmatan owam iaitu :-

TELUS

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

BERSYUKUR

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperoleh serta menunjukkan kepuasan terhadap nikmat yang diterima.

AMANAH

Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas.

STRUKTUR DAN FUNGSI PERKHIDMATAN

02



Struktur Organisasi Jabatan

Fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan



- Penerimaan Surat
- Keselamatan Pejabat
- Perolehan Alat Kelengkapan & Bekalan Pejabat
- Pembayaran & Penerimaan Hasil



- Pengisian Jawatan & Perlantikan Baru
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan & Pemberian Taraf Berpencen
- Pertukaran Masuk & Pertukaran Keluar
- Permohonan Cuti
- Penyelidikan Sistem HRMIS
- Perkhidmatan Kesetiausahaan



- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Jabatan
- Anggaran Belanjawan Mengurus
 - Perkhidmatan Kewangan

Fungsi Bahagian Korporat dan Lembaga Rayuan



- Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri
- Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri
- Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perancang Bandar.



Menjadi Pendaftar Kes-Kes Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang dan menguruskan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang (3-6 hari sebulan).



- Bahagian Sebaran Dasar / Garis Panduan / Penerbitan / Negeri & Persekutuan
- Menjalankan tugas-tugas Korporat Jabatan seperti - ISO - Piagam Pelanggan - Star Rating - Manual Prosedur Kerja (MPK) - Maklumbalas Kepuasan Pelanggan Luar dan Dalam - KPI
- Pengurusan Latihan Kakitangan & Latihan Pratik



Urusetia Penerbitan Jabatan - Laporan Tahunan - Buletin Rancang - Buletin Lembaga Rayuan

Fungsi Bahagian Kawalan Pembangunan dan Maklumat Guna Tanah Negeri



- Memproses Permohonan Kebenaran Merancang
- Memproses Permohonan Tanah
- Memproses Permohonan Pecah Sempadan Dan Penyatuan Tanah
- Memproses Permohonan Pengambilan Balik Tanah
- Memproses Ulasan Laporan EIA
- Memproses Permohonan & Geoteknikal
- Memproses Permohonan Perlingkungan Semula
- Memproses Permohonan Papan Iklan
- Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Seksyen 5(2)
- Memproses Permohonan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)
- Memproses Permohonan Rundingan Projek JKR Di Bawah Seksyen 20A



- Membekalkan Maklumat Perancangan Secara Bertulis
- Perundangan dan Penguatkuasaan Petugas Khidmat Kaunter
- Urusetia Jawatankuasa Kebenaran Merancang Dan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)



- Pembangunan ICT Jabatan
- Pembangunan & Perolehan Data Geospasial (Vektor & Raster) dan Pangkalan Data
- Pembekalan data / maklumat antara jabatan, agensi dan individu terlibat
- Pembangunan / Pengurusan Aplikasi PLANMalaysia Geoportal
- Pengerusi dan Urusetia Pasukan Kerja MyGDI Negeri Pulau Pinang
- Pengerusi dan Urusetia JKPPD Negeri Pulau Pinang serta Pengurusan dan Pemantauan Data (PPD) Peringkat Negeri Pulau Pinang
- Menyelaras latihan-latihan melibatkan jabatan
- Memantau dan menyelenggara Laman Web Jabatan
- Memantau dan mengemaskini PLANMalaysia Geoportal



- AJK ICT Strategik Plan (ISP) Peringkat Negeri & PLANMalaysia serta pemantauan pelaksanaan ISP
- Pelaksanaan & Maklumbalas semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa eGG yang berkaitan Jabatan
- Pelaksanaan & Pengurusan terhadap semua aplikasi peringkat negeri & nasional yang dipertanggungjawab seperti aplikasi iDOF, email, eTanah, SISIP, ICS, ePlanning
- Perolehan & Penyelenggaraan Peralatan ICT Jabatan
- Menerima dan mengambil tindakan di atas arahan Pengarah PLANMalaysia @Pulau Pinang dari semasa ke semasa

Fungsi Bahagian Rancangan Pembangunan dan Projek Khas



- Menyediakan Rancangan Struktur Negeri
- Menyediakan Rancangan Tempatan Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan
- Menyelaras Penyediaan Rancangan Tempatan Bagi Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK)
- Menyediakan Kajian Khas Yang Diarahkan Oleh Pihak Berkuasa Negeri
- Menyelaras Dan Memantau Pelaksanaan Program Bandar Selamat
- Melaksanakan Jaringan Petunjuk Bandar Dan Luar Bandar Malaysia (MURNInets)



- Menguruselia Jawatankuasa Landskap Negeri Dan RIBI



- Memberi Khidmat Nasihat Perancangan Program Penswastan Negeri, Infrastruktur Dan Utiliti

Perjawatan


PLANMalaysia@Pulau Pinang mempunyai sebanyak 62 perjawatan selaras dengan kelulusan JPA. Daripada jumlah ini, hanya 56 jawatan telah diisi manakala enam (6) jawatan masih kosong iaitu Satu (1) jawatan Penolong Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa JA38, empat (4) jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29 dan satu(1) pelukis pelan JA19.

Maklumat Perjawatan PLANMalaysia@Pulau Pinang Bagi Tahun 2017					
Jawatan	Gred	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	Catatan
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JUSA C	1	1	0	
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA8	2	2	0	
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA4	1	1	0	
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA1	5	5	0	JA1/JA4 - 1
Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA38	1	0	1	
Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA36	2	2	0	
Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA29	35	31	4	JA36 (KUP) - 3
Setiausaha Pejabat	N29	1	1	0	
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1	0	
Pelukis Pelan (Senibina)	JA19	6	5	1	
Pembantu Tadbir (P/O)	NI9	3	3	0	
Pembantu Tadbir (Kewangan)	WI9	1	1	0	
Pembantu Operasi	NI1	2	2	0	
Pemandu Kenderaan	H11	1	1	0	
Jumlah		62	56	6	


* Maklumat perjawatan mengikut waran perjawatan (WP) Bil.23/2016

Carta Organisasi DARI JANUARI 2017


BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN & MAKLUMAT GUNATANAH NEGERI



BAHAGIAN KORPORAT & LEMBAGA RAYUAN



BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN & PROJEK KHAS



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



UNIT
KAWALAN PERANCANGANUNIT
KORPORATUNIT
LEMBAGA RAYUANUNIT
RANCANGAN PEMBANGUNANUNIT
PROJEK KHAS

PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA


04



Prestasi Kewangan

Peruntukan dan Perbelanjaan

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM5,097,663.00 kepada jabatan. Pihak jabatan telah membelanjakan sebanyak RM4,361,155.80 untuk kegunaan pengajian dan emolumen, pentadbiran dan teknikal dengan peratusan perbelanjaan sebanyak 85.55%.



BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
A	GAJI, ELAUN TETAP, ELAUN LEBIH MASA, KW/SP DAN IMBUHAN TAHUNAN	3,517,340.00	3,073,602.50	443,737.50
B	TUNTUTAN PERJALANAN, ELAUN PERPINDAHAN, BIL UTILITI, SEWAAN, BAHAN MAKANAN & MINUMAN, PETROL DAN ALAT GANTI	1,561,007.00	1,268,805.30	292,201.70
C	HARTA MODAL	19,316.00	18,748.00	568.00
	JUMLAH	5,097,663.00	4,361,155.80	736,507.20

Pengurusan Sumber Manusia



56
KAKITANGAN

Kakitangan PLANMalaysia@Pulau Pinang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Sokongan dan Khidmat Pengurusan Dan Kewangan.

1.8%
1 ORANG



Kumpulan Pengurusan Tertinggi

14.2%
8 ORANG



Kumpulan Pengurusan & Profesional

84%
47 ORANG



Kumpulan Pelaksana

Pengurusan Latihan dan Peperiksaan

7 HARI
KAKITANGAN

89 KURSUS
TAHUN 2017

100%
7 HARI BERKURSUS
2017

RM 3,200
KOS DIBELANJAKAN
(KURSUS DALAMAN)

RM 7,250
KOS DIBELANJAKAN
(KURSUS LUARAN)

6 KURSUS DALAMAN
83 KURSUS DALAMAN



RM 10,450
KESELURUHAN KOS
DIBELANJAKAN 2017



Pertukaran Keluar Pegawai Bagi Tahun 2017

ABD. TALIP BIN ABD RAHMAN

Timbalan Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J48 (M)



Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
PLANMalaysia@Kedah

15 Mei 2017

BASRI BIN BASIR

Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J44 (M)



Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
PLANMalaysia@Kedah

11 September 2017

ASMAHAN BINTI MOKTI

Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J41



Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Majlis Perbandaran
Sungai Petani

18 September 2017

SALIZA BINTI MOHAMAD

Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22



Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Pejabat Daerah Dan
Tanah SPT

2 Oktober 2017

MUZIAH BINTI HAMZAH

Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N19




Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Jabatan Kerja Raya
Pulau Pinang

17 April 2017

Pertukaran Masuk Pegawai Bagi Tahun 2017



SHARNIZA BINTI ROSLI
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22(M)



Dari PSUKPP

Ko
PLANMalaysia
@Pulau Pinang
2 Oktober 2017

SITI ZALEHA BINTI JOHARI
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N19



Dari PSUKPP

Ko
PLANMalaysia
@Pulau Pinang
17 April 2017

Lantikan Baru Pegawai Bagi Tahun 2017

NUR SAFURAA BINTI MOHAMED SALIB



Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Gred J41

Persaraan Pegawai Bagi Tahun 2017

Bersara pada
24 Mac 2017

ISMIT BIN YUSOF
Pelukis Pelan (Seni Bina)
Gred JA22



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017

Penganugerahan diberikan bagi menghargai dan mengiktiraf kakitangan di atas perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2017. Seramai empat (4) orang kakitangan telah menerima penganugerah tersebut. Turut ditemani oleh TP. Haji Idris bin Abdul Rahim (Pengerah PLANMalaysia@Pulau Pinang)



1. NAZIRAH

BINTI AHMAD

Pembantu Tadbir (Kewangan)
Gred W19

2. NURLIZA

BINTI MUSTAMAN

Penolong Pegawai
Perancang Bandar & Desa
Gred JA29

3. MOHD FARIS

BIN AHMAD NAHAR

Penolong Pegawai
Perancang Bandar & Desa
Gred JA29

4. MUHD ROSLAN

BIN MD SIDEK

Penolong Pegawai
Perancang Bandar & Desa
Gred JA29

Penerima Anugerah Pingat Bagi Tahun 2017

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang yang diadakan bersempena Harijadi Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas kali ke 79 pada 25 Julai 2016

Jabatan ingin mengucapkan sekalung TAHNIAH kepada seramai enam (6) orang pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang di atas penganugerahan pingat tersebut.

**MOHD KHAIZAL
BIN MAA' RIP**
Pingat Kelakuan Terpuji
(PKT)



ARIFIN BIN AWANG
Pingat Bakti Setia (PBS)



**AZHANI BINTI
MD SHAHID**
Pingat Jasa Masyarakat
(PJM)



**NURUL AKMAL
HAFTZ BIN NURUDDIN**
Pingat Jasa Masyarakat
(PJM)



**NOR AMALINA
BINTI AUZIR**
Pingat Jasa Masyarakat
(PJM)



**SHARMIZA
BINTI MUHD SHABIDI**
Pingat Jasa Masyarakat
(PJM)



Anugerah Khas Pengarah PLANMalaysia @Pulau Pinang

**MOHD KHAIZAL
BIN MAA'RIP**
Anugerah Zero MC 2017



**MOHD KHAIRI
BIN MAT YASIN**
Anugerah Personaliti Terbaik
2017



**SHARMIZA
BINTI MOHD SHABIDI**
Penolong Pegawai
Perancang Bandar & Desa
Gred JA29



**NURUL AKMAL HAFIZ
BIN NURUDDIN**
Pegawai Paling Sihat
2017



PENCAPAIAN JABATAN

05





5.1

PERANCANGAN KORPORAT JABATAN Keurusetiaan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

JPN di Pulau Pinang dilaksanakan sekali dalam setiap bulan. Walaubagaimanapun sehingga Disember 2017 PLANMalaysia@Pulau Pinang telah berjaya mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang (JPN) sebanyak 14 kali termasuk dua (2) kali Mesyuarat Khas.

Ahli Tetap JPN • Y.A.B. Ketua Menteri • Y.B. Timbalan Ketua Menteri I (Pengerusi J/K MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan) • Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2 (Pengerusi J/K MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi) • Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir • Y.B. Pengerusi J/K MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan • Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri • Y.B. Pegawai Kewangan Negeri • Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri • Pengarah Tanah dan Galian Negeri • Pengarah Kerja Raya Negeri • Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran • Pengarah Pertanian Negeri • Pengarah Kemajuan Negeri • Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri • Datuk Bandar MBPP • Yang DiPertua MPSP • Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang (Setiausaha) •


Ahli Jemputan JPN • Y.B. Pengerusi J/K MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Y.B. Pengerusi J/K MMK Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pembangunan Pelancongan • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan • Setiausaha Politik Kepada Y.A.B. Ketua Menteri • Pegawai Daerah Timur Laut • Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah • Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan • Pegawai Daerah Barat Daya • Pegawai Daerah Seberang Perai Utara • Pengerus Besar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang • Pengerus Besar Pejabat Warisan Dunia (WHO) • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan Negeri • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan • Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, MPSP • Pengarah, Jabatan Perancangan & Pembangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPP • Pengarah, Jabatan Warisan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MPSP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MPSP • Pengarah, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang • Pengerus Besar, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang •

Kertas- kertas Kerja Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

No. Siri Jpn Dan Tarikh	Tarikh	Bil. Kertas Kerja Dibentangkan	Kertas Dasar Berkaitan	Garis Panduan	Rancangan Pemajuan (RS/RT/RKK)	Kes-kes Perlingkungan (Rezoning)	Sekyen 20A	Kebarang Merancang	Peningkatan Kepadatan	Peningkatan Nisbah Plot	Peningkatan Ketumpatan	Ketinggian Had
BIL.1/2017	24.1.2017	10	1	-	-	7	-	2	-	-	-	-
BIL.2/2017	27.2.2017	7	-	-	-	2	1	4	-	-	-	-
BIL.3/2017	23.3.2017	18	-	-	-	10	1	7	-	-	-	-
BIL.4/2017	25.4.2017	12	-	-	-	5	-	6	1	-	-	-
BIL.5/2017	29.5.2017	18	-	2	-	8	-	6	1	1	-	-
BIL.6/2017	22.6.2017	11	1	1	-	5	-	3	-	-	1	-
BIL.7/2017 (KHAS)	20.7.2017	3	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-
BIL.8/2017	27.7.2017	11	-	-	-	2	-	7	-	2	-	-
BIL.9/2017	29.8.2017	4	1	-	-	-	-	3	-	-	-	-
BIL.10.2017	26.9.2017	11	1	-	-	1	-	8	-	1	-	-
BIL.11.2017	26.10.2017	20	-	2	-	7	-	6	-	-	-	-
BIL.12/2017 (KHAS)	16.11.2017	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-
BIL.13/2017	21.11.2017	20	-	3	-	9	-	5	-	-	-	-
BIL.14/2017	18.12.2017	13	-	-	-	6	-	7	-	-	-	-
JUMLAH		151	7	8	1	62	2	64	2	4	1	-

Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

Perbandingan Jumlah ketas kerja dan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari tahun 2012 hingga 2017. Secara purata, tren kertas kerja dan kekerapan JPN meningkat setiap tahun seperti berikut :



Kertas- kertas Dasar / Garis Panduan Yang Diluluskan

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 15 kertas dasar / garis panduan dibentangkan dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

- 1**

Penambahbaikan Garispanduan Penyediaan Skim Perumahan 100% Rumah Mampu Milik (RMM) Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 2017

Tarikh Lulus : Bil.1.2017 pada 24.1.2017 disahkan pada hari yang sama
- 2**

Garis Panduan Untuk Pangsapuri Perkhidmatan Di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Tarikh Lulus : 1) Bil.4.2017 pada 25.4.2017 dan keputusan disahkan pada hari yang sama
2) Bil.5.2017 pada 29.5.2017 dan keputusan disahkan pada hari yang sama (dengan pindaan)
- 3**

Garis Panduan Penyediaan Tadika / Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Untuk Pemojuaan Perumahan Baru Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.

Tarikh Lulus : Bil.4.2017 pada 25.4.2017 dan keputusan disahkan pada hari yang sama
- 4**

Pengecualian Bayaran Caruman Yang Dikenakan Untuk Pembangunan Tertentu Untuk Caruman Saliran/Perparitan Dan Caruman Pembinaan Serta Menaiktaraf Jalan Dan Persimpangan Untuk Pemojuaan Tukarguna Bangunan Kediaman Kepada Tadika, Taska, Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin Dan Anak Dan Pusat Jagaan Orang Tua Di Kawasan Majlis Bandaraya

Tarikh Lulus : Bil. 5.2017 pada 29.5.2017 dan keputusan disahkan pada 22.6.2017
- 5**

Cadangan Kadar Wang Sumbangan Kewangan Bagi Menggantikan Penyediaan Rumah Kos Rendah Dan Rumah Kos Sederhana Rendah Secara Fizikal

Tarikh Lulus : Bil.1.2017 pada 24.1.2017 disahkan pada hari yang sama

6

Kadar Sumbangan Yang Dikenakan Kepada Pemaju Kerana Tidak Membina Rumah Kos Rendah (LC) Dan Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC)

Tarikh Lulus : Bil.4.2017 pada 25.4.2017 keputusan disahkan pada hari yang sama

7

Garis Panduan Perancangan "Gated Community And Guarded Neighbourhood" Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

- *Penyelarasan Berdasarkan Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2016)*

Tarikh Lulus : Bil.6.2017 pada 22.6.2017 dan disahkan pada 27.7.2017

8

Pematuhan Penyediaan 30% Rumah Kos Rendah (Rumah Mampu Milik Kategori A) / Rumah Kos Sederhana Rendah (Rumah Mampu Milik Kategori B) Apabila Cadangan Kediaman Mencapai Threshold 100 Unit Bagi Kawasan Pembangunan Atau 150 Unit Bagi Kawasan Luar Pembangunan.

- *Penyelesaian Bagi Pemajuan Yang Menggunakan Garispanduan 87 Unit/Ekar Dan Garispanduan 128 Unit/Ekar Tetapi Menghadkan Cadangan Unit Kediaman Dibawah 'Threshold' Bagi Mengelak Penyediaan 30% Rumah Kos Rendah (Rumah Mampu Milik Kategori A) / Rumah Kos Sederhana Rendah (Rumah Mampu Milik Kategori B) Atau Tawaran Sumbangan Bagi Menggantikan Penyediaan Fizikal Sebanyak Rm120,000/Unit (Pemaju Tempatan) Atau Rm150,000.00/Unit (Bukan Pemaju Tempatan)*

Tarikh Lulus : Bil.8.2017 pada 27.7.2017 disahkan pada 29.8.2017

9

Pengesahan Berkenaan Penetapan Kuantum Sumbangan Kewangan Bagi Menggantikan Penyediaan 30% Rumah Mampu Milik Kategori A (Rumah Kos Rendah)/ Rumah Mampu Milik Kategori B (Rumah Kos Sederhana Rendah) Bagi Pembangunan Perumahan Yang Bersaiz 5 Unit-99 Unit Bagi Kawasan Pembangunan Dan 5 Unit-149 Unit Bagi Luar Kawasan Pembangunan Di Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tarikh Lulus : Bil.9.2017 pada 29.8.2017 disahkan pada 26.9.2017

10

Prosedur Operasi Standard (SOP) Panel Penasihat Reka Bentuk Bukit Bendera - "Penang Hill Design Review Panel" (PHDRP)

Tarikh Lulus : Bil.9.2017 pada 29.8.2017 disahkan pada hari yang sama

11

Cadangan Pindaan-Pindaan Kepada Garis Panduan Bayaran Caruman Pembinaan Serta Menaiktaraf Jalan Dan Persimpangan

Tarikh Lulus : Bil.10.2017 pada 26.9.2017 dan disahkan pada hari yang sama

12

Makluman Kadar Pengurangan Bayaran Infrastruktur Peningkatan Nilai Tanah Perlingkungan Semula

Tarikh Lulus : Bil.10.2017 pada 26.9.2017 disahkan pada hari yang sama

13

Cadangan Garis Panduan Pemutihan Kilang - Kilang Tanpa Kebenaran Di Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Tarikh Lulus : Bil.11.2017 pada 26.10.2017 disahkan pada hari yang sama

14

Cadangan Garis Panduan Pembangunan Bercampur Dan Penggunaan Nisbah Plot Pembangunan Di Kawasan Seberang Perai.

Tarikh Lulus : Bil.13.2017 Pada 21.11.2017 Dan Disahkan Pada 18.12.2017

15

Pindaan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Warga Asing Di Negeri Pulau Pinang.

Tarikh Lulus : Bil.13.2017 Pada 21.11.2017 Dan Disahkan Pada hari yang sama

Keurusetiaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JKPN)

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri adalah sebagai median untuk diadakan perbincangan di antara agensi teknikal yang mengulas bagi memperakukan kerja permohonan untuk diangkat ke Jawatankuasa Perancang Negeri. Jawatankuasa Teknikal Perancangan Negeri dipengerusikan oleh Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh selaku Karpal Singh selaku Pengerusi MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 19 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan sebanyak 117 kertas permohonan dan sebanyak 86 kertas permohonan perlingkungan semula diperakukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri manakala 31 kertas kerja lagi masih ditangguhkan di peringkat Mesyuarat Teknikal Perancang Negeri.



Keurusetiaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JKPN) INFRASTRUKTUR

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri Infrastruktur adalah sebagai median untuk diadakan perbincangan di antara agensi teknikal yang mengulas bagi memperakukan kerja permohonan untuk diangkat ke Jawatankuasa Perancang Negeri. Dipengerusikan oleh YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh selaku Pengerusi MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 9 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan sebanyak 30 kertas permohonan dan sebanyak 30 kertas permohonan infrastruktur diperakukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.



Keurusetiaan Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Perancangan Bandar Dan Desa

Bagi tahun 2017, MMK Perancangan Bandar Dan Desa yang dipengerusikan oleh EXCO Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan iaitu YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali

Antara agenda yang dibincangkan melalui MMK Perancangan Bandar Dan Desa sepanjang tahun 2017 adalah :

1. Dasar Perancangan Fizikal Negara (DPF Desa Negara) 2030
2. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 (Akta AI522)
3. Pelaporan kes-kes Lembaga Rayuan tahun 2017
4. Tapak Perkhemahan Vision Park. Kepala Batas
5. Keadah Kawalan (Am) Perancangan 1989

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap
Bil 1/2017
Tarikh
12 Mei 2017

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap
Bil 2/2017
Tarikh
15 September 2017



Keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang

Bagi tahun 2017, Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang telah mengadakan sebanyak dua (2) kali mesyuarat

Antara agenda dan program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang adalah:

- (1) Sambutan Hari Landskap Negara 2017 pada 19 Disember 2017 di Taman Bersatu di Nibong Tebal, Pulau Pinang




Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap
Bil 1/2017
Tarikh
27 Februari 2017

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap
Bil 2/2017
Tarikh
13 September 2017



Keurusetiaan Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

Mesyuarat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bagi tahun 2017 telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu :




Mesyuarat RIBI berfungsi menyelaraskan keputusan dan tindakan ke atas pembangunan RIBI. Mesyuarat terbahagi kepada 2 Peringkat iaitu :

- 1) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI
 - Dipengerusikan oleh Y.B Jagdeep Singh Deo Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan
 - Keahlian mesyuarat terdiri daripada beberapa ahli DUN yang mewakili pelbagai agama dan jabatan-jabatan teknikal.
 - Mengesyorkan keputusan/tindakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pelaksanaan.
- 2) Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI
 - Dipengerusikan oleh Y.B Jagdeep Singh Deo Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan.
 - Keahlian mesyuarat terdiri daripada beberapa ahli DUN yang mewakili pelbagai agama dan jabatan-jabatan teknikal.
 - Peruntukan yang diperakukan tidak melebihi RM 50,000.00 kepada setiap pertubuhan / persatuan bagi tujuan pembinaan atau penyelenggaraan tempat ibadat



Kategori Kes-kes RIBI

Pecahan kes-kes yang telah dikemukakan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI merangkumi 4 topik utama. Tumpuan utama merupakan permohonan untuk memajak tapak-tapak RIBI yang diserahkan oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memenuhi keperluan kebenaran merancang. Bagi tahun 2017, sejumlah 31 kes RIBI telah dibincangkan iaitu :



Status Kes

Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam telah meneliti 31 kes dan telah membuat keputusan mengikut 4 kategori keputusan iaitu :



KEURUSETIAAN LEMBAGA RAYUAN NEGERI PULAU PINANG

PELAKSANAAN SISTEM E-RAYUAN DI PULAU PINANG

Pembangunan Aplikasi e-Rayuan Di Pulau Pinang

Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1985, namun ianya mula berfungsi pada tahun 1989 apabila Kaedah Lembaga Rayuan disiapkan dan diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Lembaga Rayuan ini merupakan satu badan bebas atau berkecuali yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak sama ada pemuju-pemaju, pemilik-pemilik hartanah, pemilik lot-lot berjiran, agensi swasta mahupun orang awam untuk mengemukakan rayuan sekiranya terkilan atau tidak berpuas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ke atas penolakan permohonan kebenaran merancang, syarat-syarat pemberian kebenaran merancang atau lain-lain bantahan yang diperuntukkan di bawah Akta 172. Lembaga Rayuan akan bertindak untuk menyelesaikan pertikaian di antara perayu dengan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Penubuhan Lembaga Rayuan di negeri-negeri di bawah seksyen 36, Akta 172 akan memberi peluang dan hak bersuara kepada orang awam serta memastikan PBPT membuat keputusan yang lebih telus dan terbuka.

Perayu boleh mengemukakan permohonan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh surat penolakan atau pemberian Kebenaran Merancang diberikan oleh PBPT dengan menghadirkan diri dan membawa dokumen bantahan dan bayaran ke kaunter PLANMalaysia@Pulau Pinang(Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang) di bangunan KOMTAR.

Walaupun bagaimanapun, selaras dengan matlamat kerajaan negeri untuk memudahkan orang awam dalam berurusan dengan kerajaan, PLANMalaysia@Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan aplikasi "e-Rayuan".

5.2



Apakah Aplikasi e-Rayuan ?

Pembangunan aplikasi e-Rayuan adalah merupakan sistem aplikasi atas talian yang diperkenalkan sebagai akses orang awam, pemaaju, perunding atau pihak yang berkepentingan, dalam membuat permohonan ke Lembaga Rayuan secara atas talian.

Pembangunan aplikasi ini telah dirancang semenjak tahun 2012 dan dibangunkan secara berfasa mulai tahun 2013. Objektif utama pembangunan aplikasi ini adalah untuk pembangunan aplikasi atas talian yang boleh diakses oleh orang awam 24 jam sehari, penyediaan sistem carian (search engine) yang membolehkan carian kes-kes terkini dan kes lama dibuat dan pembayaran secara online terhadap fi-fi permohonan kes ke Lembaga Rayuan.

Aplikasi ini akan melibatkan empat (4) skop utama iaitu 'Portal Web', 'Portal Rayuan', 'Portal Dokumen' dan 'Mobile Application (android)'.

Ciri-ciri Aplikasi e-Rayuan ?

- Aplikasi ini bertujuan memudahkan perayu atau orang awam membuat rujukan dan pemfailan secara elektronik berkaitan kes-kes rayuan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
- Ciri-ciri utama ialah penyimpanan dokumen secara digital dan mengadakan ciri-ciri *e-Payment* untuk membolehkan bayaran atau fi dikemukakan dibayar secara online.
- Aplikasi e-Rayuan mengandungi tiga modul utama yang boleh pengguna akses iaitu portal web, portal dokumen dan portal rayuan.



Aplikasi sistem e-Rayuan memudahkan perayu dan orang awam membuat rujukan dan pemfailan secara elektronik berkaitan kes-kes rayuan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja



Pendaftaran dan Pemfailan Kes



Pemohonan Saman Saksi/ Sapina



Pembayaran Fi Kes Rayuan



Pembelian Dokumen dan Keputusan Kes



Memaparkan Tarikh Sebutan dan Perbicaraan



Memaparkan Statistik Kes Rayuan



Memaparkan Maklumat Lembaga Rayuan

Senarai Ahli Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang 2017

BIL	NAMA AHLI	JAWATAN	BIDANG	TEMPOH LANTIKAN
1	Y. Bhg. Dato' Yeo Yang Poh	Pengerusi	Peguamcara & Peguambela	26.10.2017 - 25.10.2020
2	Y. Bhg. Dato' Amardas a/I Jethanand	Timbalan Pengerusi	Peguamcara & Peguambela	29.10.2015 - 19.10.2018
3	Y. Bhg. Dato' Tan Chong Meng	Ahli Panel	Jurutera Bersara (PDC)	16.08.2015 - 18.08.2018
4	Y. Bhg. Dato' Dr. Sharom bin Ahmat	Ahli Panel	Bekas Pensyarah USM Perancang Bandar	16.08.2015 - 18.08.2018
5	Y. Bhg. Dato' Chee Kong Chi	Ahli Panel	Peguamcara & Peguambela	13.03.2018 - 13.03.2021
6	Y. Brs.Pn. Sr. Dr. Lim Yoke Mui	Ahli Panel	Bekas Pensyarah USM (Ukur Bahan)	16.08.2015 - 16.08.2018
7	Y. Bhg. Dato' Ir Ang Choo Hong	Ahli Panel	Pensyarah Kejuruteraan Mekanikal JKR	04.10.2016 - 04.10.2019
8	Y. Bhg. Dato' Seri Ir Dr Seri Lee Yow Ching	Ahli Panel	Jurutera Bersara (PBA)	04.10.2016 - 04.10.2019
9	Y. Bhg. Dato' Seri Hj. Mokhtar bin Mohd Jait	Ahli Panel	Bekas Pegawai Daerah SPU/YDP MPSP/Peg. Kewangan Negeri	04.10.2016 - 04.10.2019
10	Y. Brs. Tuan Lim Hooi Siang	Ahli Panel	Perunding Perancang Bandar & Warisan	04.10.2016 - 04.10.2019
11	Y. Brs. Dato' Malkit Singh s/o Dalip Singh	Ahli Panel	Peguamcara & Peguambela	04.10.2016 - 04.10.2019
12	Y. Brs. Tuan Tan Thean Siew	Ahli Panel	Bekas Pengarah Perancang Bandar & Pembangunan (MBPP)	04.10.2016 - 04.10.2019
13	Y. Brs. Tuan Tharumarajah s/o Thiagarajan	Ahli Panel	Peguamcara & Peguambela	04.10.2016 - 04.10.2019
14	Y. Brs. Tuan San Markan Ganapathi	Ahli Panel	Peguamcara & Peguambela	04.10.2016 - 04.10.2019

Persidangan Sepanjang Tahun 2017

28

BERSIDANG

Persidangan lembaga rayuan telah diadakan sebanyak 28 kali pada tahun 2017 untuk membincangkan dan menyelesaikan 21 kes baru yang didaftarkan serta kes-kes yang ditangguhkan di tahun 2017



Bilangan Kes Lembaga Rayuan Mengikut Daerah Bagi Tahun 2017

38.1%

8 KES



Daerah Timur Laut

19.0%

4 KES



Daerah Barat Daya

4.8%

1 KES



Daerah Seberang Perai Utara

33.3%

7 KES



Daerah Seberang Perai Tengah

4.8%

1 KES



Daerah Seberang Perai Selatan

Kategori Kes-kes Yang Dikemukakan Di Lembaga Rayuan Pulau Pinang Tahun 2017



S.23(1)(a)
Permohonan Kebenaran Merancang

23.8%

5 KES



S.23(1)(b)
Jiran / Pembantah

76.2%

16 KES

100%

21 KES



Jumlah Kes

Kategori Kes-kes Yang Dikemukakan Di Lembaga Rayuan Pulau Pinang Tahun 2017



Dalam Proses

71.4%

15 KES




Selesai


28.6%

6 KES

Statistik Kes Dari Tahun 2012 Hingga 2017



Statistik Jenis Rayuan Dari Tahun 2012 Hingga 2017




Statistik Kes Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (MPSP & MBPP) Dari Tahun 2012 Hingga 2017

TAHUN	MBPP	MPSP	JUMLAH KES
2012	40	3	43
2013	15	7	22
2014	16	15	31
2015	24	13	37
2016	21	6	27
2017	12	9	21
Jumlah Kes	128	53	181

Status Kes-kes Yang Dikendalikan Di Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang 2017

2017													
BULAN	BILANGAN KES BARU DIDAFTARKAN	KATEGORI KES YANG DIBENTANGKAN DI LEMBAGA						KEPUTUSAN					
		SEBUTAN KES	SEBUTAN SEMULA	BICARA KES	SAMBUNG BICARA	KEPUTUSAN	KEPUTUSAN (BORANG 8)	DIBENARKAN	TOLAK	BUANG KES/ BATAL	TIADA PERINTAH	TANGGUH	
Jan.	1	3	11	1	2	1	4	2	0	2	0	0	4
Feb.	3	3	12	1	4	1	1	0	0	1	0	0	1
Mac	1	0	8	0	4	0	1	0	0	1	0	0	1
April	2	0	10	1	2	0	3	0	0	3	0	0	3
Mei	1	0	3	1	3	1	1	0	1	0	0	0	1
Jun	3	0	3	1	2	0	1	0	0	1	0	0	1
Julai	1	9	4	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
Ogos	1	0	12	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
Sep.	5	4	17	0	4	1	2	1	0	1	0	0	2
Okt.	0	2	14	0	2	0	0	0	0	2	0	0	2
Nov.	3	0	16	0	3	0	3	0	0	3	0	0	3
Dis.	0	3	30	1	1	0	3	0	0	3	0	0	3
JUMLAH	21	24	140	6	34	4	19	3	1	17	0	0	21

Sejarah dan Latarbelakang Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang



Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang

Tahun 1988 - 2010

1. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Chang Min Tat
(1988-1997 Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan)
2. Y. Bhg. Dato' Jeffrey Tan Kok Hwa.
(1997 - 2000 Bekas Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang)
3. Y. Bhg. Dato' Ph. Ho Mooi Ching.
(2000 - 2006 Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan)
4. Y. Bhg. Dato' Rahim Uda
(2006 - 2009 Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan)
5. Y. Bhg. Dato' Yeo Yang Poh
(2010- kini Peguambela & Peguamcara)


Timbalan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang

Tahun 1988 - 2012


1. Encik Oliver Lyons Phipps
(1988 - 1989 Bekas Hakim Pesuruhjaya Kehakiman)
2. Yang Arif Tan Sri Datuk Syed Agil Bin Syed Hassan Barakbah
(1989 - 1990 Bekas Hakim)
3. Y. Bhg. Datuk Lee Saik Kee
(1991 - 1992 Peguambela & Peguamcara)
5. Encik Rumi J. Manecksha
(1992 - 1996 Peguambela & Peguamcara)
6. Y. Bhg. Dato' Khalid Ahmad Bin Sulaiman
(1996 - 2006 Peguambela & Peguamcara)
7. Puan Siti Khadijah Bt S. Hassan
(2006 - 2009 Peguambela & Peguamcara)
8. Y. Bhg. Dato' Yeo Yang Poh
(2009 - 2012 Peguambela & Peguamcara)
9. Y. Bhg Dato' J Amardas A/L Jethanand
(2012 hingga kini Peguambela & Peguamcara)

PENYEDIAAN DAN PEMANTAUAN RANCANGAN PEMAJUAN

5.3



Draf Laporan
- Selesai
Publisiti & Penyertaan Awam
- Dalam Proses
Mesyuarat Siasatan & Pendengaran Awam
- Belum bermula
Pembentangan Ke JPN
- Belum Bermula
Perwartaan
- Belum bermula




Draf Laporan
- Selesai
Publisiti & Penyertaan Awam
- Selesai
Mesyuarat Siasatan & Pendengaran Awam
- Selesai
Pembentangan Ke JPN
- Selesai
Perwartaan
- Dalam Proses



Telah diwartakan pada
tahun 2016

Telah diwartakan pada
tahun 2016



5.4



Sepanjang tahun 2017, sebanyak 1.342 permohonan diterima dan diproses mengalami penurunan berbanding tahun 2016 iaitu 1,462 permohonan.

Permohonan Mengikut Daerah Timur Laut

Bil.	Permohonan	Jumlah
1.	Kebeneran Merancang (OSC)	172
2.	Perlingkungan Semula	18
3.	Permohonan Tukar Syarat / Pindaan / Mengubah / Permit / Tanah Bukit / Mengeluarkan	33
4.	Lesen Pendudukan Sementara	87
5.	Penyerahan / Pemberimilikan	26
6.	Akta Pengambilan Tanah (APT)	3
7.	Lalu Lalang Ruang Udara / Enakmen Air / Warta Guna Tanah Kerajaan / Lain-lain	5
8.	Seksyen 20A - Projek Kerajaan Yang Diuruskan dan Diselia Oleh JKP	1
9.	Environmental Impact Assessment (EIA)	3
10.	Projek Tebusguna Tanah	1
	Jumlah	349

Permohonan Mengikut Daerah Barat Daya

Bil.	Permohonan	Jumlah
1.	Kebeneran Merancang (OSC)	47
2.	Perlingkungan Semula	10
3.	Permohonan Tukar Syarat / Pindaan / Mengubah / Permit / Tanah Bukit / Mengeluarkan	32
4.	Lesen Pendudukan Sementara	101
5.	Penyerahan / Pemberimilikan	26
6.	Akta Pengambilan Tanah (APT)	2
7.	Lalu Lalang Ruang Udara / Enakmen Air / Warta Guna Tanah Kerajaan / Lain-lain	5
8.	Seksyen 20A - Projek Kerajaan Yang Diuruskan dan Diselia Oleh JKP	1
9.	Environmental Impact Assessment (EIA)	1
10.	Projek Tebusguna Tanah	-
	Jumlah	225

Permohonan Mengikut Daerah Seberang Perai Utara

Bil.	Permohonan	Jumlah
1.	Kebanaran Merancang (OSC)	50
2.	Perlingkungan Semula	13
3.	Permohonan Tukar Syarat / Pindaan / Mengubah / Permit / Tanah Bukit / Mengeluarkan	11
4.	Lesen Pendudukan Sementara	130
5.	Penyerahan / Pemberimilikan	15
6.	Akta Pengambilan Tanah (APT)	5
7.	Lalu Lalang Ruang Udara / Enakmen Air / Warta Guna Tanah Kerajaan / Lain-lain	2
8.	Seksyen 20A - Projek Kerajaan Yang Diuruskan dan Diselia Oleh JKP	0
9.	Environmental Impact Assessment (EIA)	0
10.	Projek Tebusguna Tanah	0
	Jumlah	226


Permohonan Mengikut Daerah Seberang Perai Tengah

Bil.	Permohonan	Jumlah
1.	Kebanaran Merancang (OSC)	78
2.	Perlingkungan Semula	23
3.	Permohonan Tukar Syarat / Pindaan / Mengubah / Permit / Tanah Bukit / Mengeluarkan	16
4.	Lesen Pendudukan Sementara	189
5.	Penyerahan / Pemberimilikan	26
6.	Akta Pengambilan Tanah (APT)	13
7.	Lalu Lalang Ruang Udara / Enakmen Air / Warta Guna Tanah Kerajaan / Lain-lain	20
8.	Seksyen 20A - Projek Kerajaan Yang Diuruskan dan Diselia Oleh JKP	0
9.	Environmental Impact Assessment (EIA)	0
10.	Projek Tebusguna Tanah	0
	Jumlah	365

Permohonan Mengikut Seberang Perai Selatan

Bil.	Permohonan	Jumlah
1.	Kebanaran Merancang (OSC)	67
2.	Perlingkungan Semula	12
3.	Permohonan Tukar Syarat / Pindaan / Mengubah / Permit / Tanah Bukit / Mengeluarkan	11
4.	Lesen Pendudukan Sementara	109
5.	Penyerahan / Pemberimilikan	6
6.	Akta Pengambilan Tanah (APT)	6
7.	Lalu Lalang Ruang Udara / Enakmen Air / Warta Guna Tanah Kerajaan / Lain-lain	16
8.	Seksyen 20A - Projek Kerajaan Yang Diuruskan dan Diselia Oleh JKP	0
9.	Environmental Impact Assessment (EIA)	0
10.	Projek Tebusguna Tanah	0
Jumlah		227

Bilangan dan Peningkatan Perlingkungan Semula Dari Tahun 2010 Hingga 2017



SISTEM MAKLUMAT GUNA TANAH NEGERI DAN ICT

Geoportal bagi Pengguna Umum

Kami berhasrat untuk menyediakan maklumat dan informasi untuk memudahkan tugas anda serta untuk memudahkan anda melancarkan urusan kerajaan di dalam komuniti.



© 2007 The Authors
Journal compilation © 2007 Blackwell Publishing Ltd

Living Cancer
Life

KATEGORI KAWASAN LAPANG

Tanah Lapang Awam iaitu tanah lapang dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang mana tertakluk di bawah peruntukan seksyen 2(l), Akta 172 dan seksyen 5 dan 62, Kanun Tanah Negara.

Antara komponen tanah lapang awam yang diambilkira ialah :-

- Taman Bandaran
- Taman Tempatan
- Taman Kejiranan
- Taman Bunga Awam
- Laman Rekreasi
- Kemudahan Sukan dan Padang Permainan
- Lot Permainan

Kemudahan Rekreasi Awam yang dibangunkan untuk digunakan bagi tujuan awam tertakluk di bawah peruntukan perundangan selain Akta 172 yang terletak di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).


Antara komponen kemudahan rekreasi awam yang diambilkira ialah :-

- Stadium
- Kompleks Sukan
- Padang Polo
- Padang Bola Sepak
- Gelanggang Permainan (badminton, tenis, futsal dan lain-lain)
- Kolam Renang

Kawasan Rekreasi Awam yang terletak di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibenarkan untuk diguna oleh orang awam bagi tujuan rekreasi.

Antara komponen kawasan rekreasi awam yang diambilkira ialah :-

- Taman Botani
- Hutan Bandar
- Hutan Lipur (kawasan yang dimajukan sahaja)
- Rizab Sungai (bagi tujuan rekreasi)
- Rizab Pantai (bagi tujuan rekreasi)
- Kolam Takungan dan Tadahan Air (yang digunakan bagi tujuan rekreasi aktif dan pasif tidak termasuk kolam takungan atau tadahan sahaja)



Tanah Lapang Awam Mengikut Daerah Bagi Tahun 2017



KAWASAN REKREASI AWAM

DAERAH	LUAS (H)
Seberang Perai Utara	-
Seberang Perai Tengah	329.567
Seberang Perai Selatan	3.673
Barat Daya	95.118
Timor Laut	56.814
JUMLAH	485.172




KEMUDAHAN REKREASI AWAM

DAERAH	LUAS (H)
Seberang Perai Utara	3.788
Seberang Perai Tengah	11.995
Seberang Perai Selatan	47.03
Barat Daya	8.806
Timor Laut	65.861
JUMLAH	137.480




TANAH LAPANG AWAM

DAERAH	LUAS (H)
Seberang Perai Utara	108.4378
Seberang Perai Tengah	157.0783
Seberang Perai Selatan	96.1834
Barat Daya	66.2485
Timor Laut	304.4273
JUMLAH	732.375



I



MURNInets

KAJIAN PENAMBAHBAIKAN MURNINETS 2017

Pada tahun 2017 MURNInets telah ditukarkan kepada MURNInets v2.0 hasil dari kajian Penambahbaikan yang melibatkan Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK), Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN), Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi/Jabatan Teknikal yang lain.

MURNInets v2.0 yang baru ini melibatkan perubahan kepada penunjuk, indicator, piawaian dan skor selaras dengan RMK ke-II dan dasar sectoral yang lain. Penunjuk MURNInets telah digunakan untuk tempoh 5 tahun (2012 - 2016) bagi menilai tahap kemampuan bandar. Oleh itu POMK berpandangan agar penunjuk ini sesuai untuk dilihat semula bagi tempoh setiap 5 tahun.

MURNInets merupakan satu sistem untuk mengukur dan menilai kemampuan suatu Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui satu set penunjuk yang telah ditetapkan.

Tahun 2018 merupakan tahun pertama pelaksanaan MURNInets v2.0 yang menggunakan set penunjuk dan modus operandi yang baru

Jumlah Keseluruhan Penunjuk Yang Dikaji

73
Penunjuk

Jumlah Keseluruhan Penunjuk Sedia Ada

36
Penunjuk

Jumlah Penunjuk Sedia Ada Yang Digugurkan

6
Penunjuk

Jumlah Penunjuk Sedia Ada Yang Dikekalkan Dengan Pindaan Terhadap Definisi, Penerangan/justifikasi, Sumber Data Atau Butiran Data

30
Penunjuk

43
Penunjuk

Jumlah Penunjuk Baharu

13
Penunjuk

27
(Data
PBT)

16
(Data
Negeri)



PERANAN PUSAT OPERASI MURNINETs NEGERI PULAU PINANG

Struktur Organisasi Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN) Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Dan Sabah

- i) Pengerusi : Setiausaha Bahagian Pembangunan Strategik, Kementerian Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)

Pengarah PLANMalaysia@Negeri(Negeri di Semenanjung Malaysia)

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (Negeri Sabah)

- ii) Setiausaha

Pegawai Perancang Bandar atau pegawai berkaitan yang dilantik Pengerusi

- iii) Ahli

Unit MURNInets Negeri


Pegawai POMK

Pegawai PBT


Ageni pembekal data

Wakil agensi yang berkaitan

PERANAN PUSAT OPERASI MURNINETs




STRUKTUR ORGANISASI MURNINETs



Penerbitan Jabatan

Bagi tahun 2017, jabatan telah menghasilkan dan mengeluarkan penerbitan dua (2) buletin dan satu (1) laporan tahunan bertujuan menyampaikan maklumat-maklumat terkini berkaitan pengurusan dan pencapaian jabatan yang berlaku sepanjang tahun 2016.



Buletin Rancang

Terbitan jabatan dikeluarkan secara berkala dua (2) kali setahun merupakan buletin yang menerbitkan maklumat-maklumat yang berkaitan aktiviti semasa jabatan, garis panduan dan manual terbaru Pulau Pinang, maklumat am dan berita semasa, termasuk pemakluman dan pelaporan publisiti (seranta) awam bagi rancangan pemajuan dan pelan induk.

Laporan Tahunan

Merupakan pelaporan berkala tahunan mengenai pencapaian jabatan sepanjang tahun 2017 (keluaran 2018)

AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN 2017

06



Lawatan Kerja Terakhir Ketua Pengarah PLANMalaysia Ke PLANMalaysia@Pulau Pinang

PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja terakhir daripada Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Dato' TPr. Dr. Dolban bin Mijan pada 5 Mei 2017, sebelum pesaraan wajib beliau pada 19 Mei 2017. Beliau diraikan dengan majlis Sesi Ramah Mesra dan bergambar bersama kakitangan PLANMalaysia@Pulau Pinang. Sambutan Hari Jadi Dato' Ketua Pengarah dan jamuan makan tengahari, lawatan ke The TOP (Rainbow Skywalk) dan lawatan kerja ke Projek Tambak Laut di Tanjung Pinang 2 (STP2).





Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia Ke PLANMalaysia@Pulau Pinang

3 Februari 2017, PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menerima lawatan kerja daripada Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia iaitu YBhg. Dato' TPr. Haji Zaki Bin Ibrahim. Tujuan lawatan kerja adalah untuk menyampaikan amanat terakhir dalam perhimpunan awal kakitangan peringkat jabatan sebelum beliau bersara wajib pada 28 Mac 2017.

Majlis perhimpunan ini juga untuk merayakan majlis Jasamu Dikenang kepada Encik Ismit bin Yusof, penyampaian hadiah harijadi kakitangan dan penyampaian Anugerah Pengarah iaitu Anugerah Pegawai Sihat (Encik Shahril bin Mohamad), Anugerah Pegawai 'Punch Card' Terbaik (Encik Shukor bin Mohd Ali) dan Anugerah Pegawai Personaliti Terbaik (Encik Md. Shukri bin A. Hamid).





Bengkel Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Bagi MS ISO 9001 : 2015

1 - 3 Mac 2017, PLANMalaysia@Pulau Pinang telah mengadakan Bengkel Sistem Pengurusan Kualiti bagi penyediaan MS ISO 9001 : 2015 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Alor Star, Kedah. Tujuan bengkel adalah untuk membincangkan keperluan peralihan MS ISO 9001 : 2008 kepada prosedur baru MS ISO 9001 : 2015.





Lawatan Bersama EXCO MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan Ke Taman Botani

YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh bersama beberapa wakil PLANMalaysia @ Pulau Pinang, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri, George Town World Heritage Incorporated berserta Jabatan Taman Botani dan Perunding Taman Botani YBhg. Dr. Saw Leng Guan telah mengadakan lawatan ke seluruh kawasan Taman Botani pada 10 April 2017 bagi melengkapkan penyediaan Draf Rang Undang-undang Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017.



Publisiti Laporan Tinjauan RSNPP 2020 - Sesi Taklimat Kepada Pihak Berkepentingan

Sesi taklimat kepada pihak berkepentingan telah diadakan pada 8 Disember 2016 (Khamis) & 26 Januari 2017 (Khamis) bermula dari jam 10.00 pagi dan berakhir jam 1.00 petang bertempat di Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang dan Auditorium MPSP, Tingkat 5, MPSP, Bandar Perda, Pulau Pinang. Sesi taklimat RSNPP 2020 disampaikan oleh YBhg. Dato' TPr. Hj. Mohd Anuar bin Maidin Pengarah PLANMalaysia @ Pulau Pinang.



**Pelancaran dan Pelaksanaan EKSA
(Ekosistem Konduktiv Sektor Awam)**
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang, Dato' TPr. Haji Anuar Bin Maidin merasmikan majlis pelancaran EKSA pada 4hb. April 2017 di ruang legar tingkat 57.

PLANMalaysia@Pulau Pinang Di Temasya SUKNA 2017, Perak

Tahun 2017, PLANMalaysia @Perak telah menjadi tuan rumah yang diadakan pada 21-24 April 2017 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Sebanyak 8 acara sukan dan 16 acara olahraga telah dipertandingkan pada SUKNA kali ini. Majlis perasmian SUKNA 2017 telah disempurnakan oleh YB. Dato Seri Ong Ka Chuan, Ahli Parlimen Tanjung Malim, manakala majlis penutup disempurnakan oleh YB. Dato' Mohd. Khusairi bin Abdul Talib, ADUN Kawasan Slim.

PLANMalaysia@Pulau Pinang diletakkan dalam kontingen Zon Utara (Perlis, Kedah, Pejabat Projek Zon Utara). Pengarah PLANMalaysia@Kedah menjadi Chef de Mission bagi Zon Utara. Seramai 20 pegawai telah terpilih menjadi wakil Zon Utara bagi membawa cabaran temasya SUKNA 2017 ini.





Laporan Persidangan Sesi Ke-40 Jawatankuasa Warisan Dunia (World Heritage Committee) 2017, Di Krakow, Poland

Persidangan Sesi Ke-40, Jawatankuasa Warisan Dunia (World Heritage Committee) 2017 yang telah berlangsung di Krakow, Poland pada 2hb Julai sehingga 12hb Julai 2017. Majlis perasmian sesi ke-40 persidangan Jawatankuasa Warisan Dunia berlangsung pada 2hb, Julai 2017 di Istana Diraja Wawel di Krakow, Poland, dengan kehadiran hampir 1,000 orang, dirasmikan oleh Presiden Poland, Andrzej Duda.

Seramai 4 orang perwakilan dari Negeri Pulau Pinang telah menghadiri persidangan World Heritage Committee iaitu YBhg. Dato' TPr. Haji Mohd. Anuar bin Maidin - Pengarah, PLANMalaysia@Pulau Pinang (Ketua Delegasi Pulau Pinang); YBrs. Dr. Ang Ming Chee - Pengurus Besar, George Town World Heritage Incorporated; Cik Noorhanis binti Nordin - Pengarah, Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan Encik Muhammad Hijas bin Sahari - Pengurus Bahagian Alam Bina dan Pematuhan, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).





Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat PLANMalaysia 2017

Kumpulan BONA FIDE berjaya dinobatkan sebagai JOHAN di Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat PLANMalaysia (JPBD Semenanjung Malaysia) 2017 pada 22hb. Ogos 2017 bertempat di Dewan Auditorium Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (Magic) Cyberjaya.



Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017

Kumpulan BONA FIDE berjaya dinobatkan sebagai NAIB JOHAN di Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2017 - Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Awam pada 28hb. September 2017 bertempat di Auditorium A, Paras 5, KOMTAR, Pulau Pinang.



Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2017

Kumpulan BONA FIDE berjaya dinobatkan sebagai JOHAN di Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2017 pada 7hb. November 2017 bertempat di Dewan Kristal Aras B1, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Persiaran Perdana Presint 4, Putrajaya.

Rumah Terbuka Aidilfitri PLANMalaysia@ Pulau Pinang2017 "Kampung Ku"


PLANMalaysia @ Pulau Pinang mengambil kesempatan di bulan Syawal dengan mengadakan rumah terbuka pada 20hb. Julai 2017. Segala persiapan dan hasil majlis dijalankan secara gotong royong oleh kakitangan jabatan. Tema yang dipilih adalah Hari Raya 'Dikampungku'.





Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke 60 Peringkat Negeri Pulau Pinnag

Ihb. Ogos 2017. PLANMalaysia @ Pulau Pinang telah menyertai perarakan sempena Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang yang ke 60 tahun di Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Kontijyen yang terdiri dari 45 orang peserta ini diketuai oleh Encik Basri bin Basir.



**Perarakan Maulidur Rasul 1439H/
2017M Peringkat Negeri
Pulau Pinang**

Ihb. Disember 2017 bersamaan 12 Rabiul Awal 1439 Hijrah bertempat di Institut Latihan Perindustrian Bukit Panchor, Nibong Tebal. Seberang Perai Selatan. PLANMalaysia@Pulau Pinang yang turut menyertai perarakan ini diketuai oleh Encik Mohd Shuhaidi bin Mat Isa (Ketua Penolong Pengarah) bersama seramai 40 orang kakitangan jabatan.



**Program Kembara Bermotosikal Ke
Koh Samui, Thailand Sempenan
Sambutan Hari Perancangan Bandar
Sedunia 2017 Peringkat Negeri
Pulau Pinang**

Seramai 50 peserta telah menyertai delegasi pemotoran ini iaitu dari PLANMalaysia@Pulau Pinang (13 peserta), PLANMalaysia@Zon Utara, PLANMalaysia@Kedah dan PLANMalaysia@Perlis. Perasmian pelepasan kembara bermotosikal ini dirasmikan oleh Pengarah PLANMalaysia @Pulau Pinang pada 12hb. Oktober 2017 di pintu masuk Negara Thailand iaitu dari Kompleks Darul Qiyam, Bukit Kayu Hitam Kedah.



Program Bantuan Mangsa Banjir PLANMalaysia@Pulau Pinang

Warga PLANMalaysia@Pulau Pinang yang terjejas teruk dilanda banjir adalah seramai 10 orang. Misi bantuan banjir dari pegawai - pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang telah bergerak turun pada 8hb. November 2017 bagi kerja-kerja pembersihan dan sumbangan bantuan ikhlasan daripada Kelab Jabatan.



YBhg. Dato' Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang juga amat berbesar hati memberi sumbangan peribadi kepada mangsa - mangsa banjir dan majlis telah diadakan pada 24hb. November 2017.



Majlis Sumbangan Kepada Pegawai-pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang Yang Terjejas Banjir telah disempurnakan oleh YB Tuan Phee Boon Poh, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang pada 14hb. Disember 2017 bertempat di Ruang Legar Lembaga Rayuan, Tingkat 57, KOMTAR, Negeri Pulau Pinang.

PERJUMPAAN KETUA PENGARAH Baru BAGI PLANMalaysia KE PLANMalaysia@PULAU PINANG , 7 - 8 Ogos 2017



LAWATAN TAPAK OLEH PANEL LEMBAGA RAYUAN KE CANGKAT SUNGAI ARA 2/A, 17 MAC 2017



MAJLIS JASAMU DIKENANG PLANMALAYSIA@PULAU PINANG , 29 SEPTEMBER 2017



LAWATAN KERJA AHLI JAWATANKUASA LANDSKAP KE MBKT (TERENGGANU) DAN MPKB (KELANTAN), 27 - 30 OGOS 2017



PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI PERTAMA, SEBERANG JAYA BERSAMA JPS, 12 JANUARI 2017



PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI LAHAR ENDIN, KEPALA BATAS BERSAMA JPS, 30 OKTOBER 2017



PROGRAM 'TRIAL RIDE' KAYUHAN VISON PARK SEMPENA HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA 2017, 28 OKTOBER 2017



SAMBUTAN HARI LANDSKAP PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2017, KAWASAN LAPANG TAMAN BERSATU, NIBONG TEBAL, 19 DISEMBER 2017



MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN (RKJ) PLANMALAYSIA@PULAU PINANG DI TAIPING, PERAK, 3-5 DISEMBER 2017



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ BIL.4/2017, 21 DISEMBER 2017



PERTANDINGAN BOWLING UKHWAH PLANMAYSIA@PULAU PINANG





LAPORAN TAHUNAN 2017

PLANMalaysia  Pulau Pinang
(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang)

